

16 DEC 1997

DR M MINTA IMF SEGERAKAN KAJIAN PERATURAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mempercepatkan kajiannya mengenai pengenalan peraturan bagi dagangan mata wang berdasarkan kepada kepentingan perkara itu.

Sebelum ini IMF menyatakan kajian itu hanya akan siap awal tahun depan.

Dengan menyatakan Asean tidak berada dalam kedudukan untuk menyediakan peraturan mata wang kerana perkara itu mesti dikaji terlebih dahulu oleh IMF, beliau menambah negara-negara yang memulakan dagangan mata wang mestilah menyediakan peraturan bagi bank-bank.

Bercakap di persidangan berita selepas Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Campur Tiga (China, Jepun dan Korea Selatan) selama tiga hari di sini, berakhir hari ini, beliau berkata peraturan mata wang mestilah datang daripada negara-negara di mana perdagangan mata wang bermula.

"Ia mesti dilaksanakan oleh negara-negara di mana peniaga-peniaga dan bank-bank pinjaman memulakan operasi itu," katanya sebagai menjawab soalan mengapa kenyataan bersama mengenai situasi kewangan Asean yang dikeluarkan semalam tidak menggesa kepada peraturan mata wang.

"Mereka (negara-negara terbabit) berada dalam kedudukan yang diperlukan, kita (Asean) tidak berada dalam kedudukan itu...kita hanyalah mangsa," tambahnya.

Apabila ditanya sama ada China akan menurunkan nilai mata wangnya, Dr Mahathir berkata negara itu tidak mempunyai cadangan sama ada untuk melakukannya atau menyatakan akan memberi bantuan kepada eksportnya.

"Saya rasa China sangat yakin penurunan mata wang di Asia Tenggara tidak akan membuatkan negara itu kurang persaingan. Malahan kerana kekurangan keyakinan di rantau ini berikutan pergolakan mata wang, China memperolehi faedah daripada penyusutan mata wang serantau dan bukan sebaliknya," tambahnya.

Mengenai Jepun, Dr Mahathir berkata Asean merasakan negara itu mempunyai peranan untuk dimainkan dalam situasi ekonomi ketika ini, kerana ia menjadi negara paling maju di Asia Timur.

Ketika mesyuarat itu, Malaysia juga menggesa Jepun mengurangkan ketidakseimbangan dagangannya dengan negara-negara Asean. -- BERNAMA

SHO ZK